

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# \$4,000 juta belanjaan dipotong

Oleh JAMALUDIN HAJI ABU BAKAR

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Kabinet hari ini meluluskan pemotongan \$4,000 juta belanjaan tahun ini sebagai langkah positif berjimat cermat Kerajaan berikutan dengan kemelesetan ekonomi dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, ketika mengumumkan demikian, berkata pemotongan tersebut melibatkan \$2,800 juta untuk belanjaan pembangunan dan \$1,200 juta bagi belanjaan pengurusan.

Belanjaan untuk pembangunan bagi tahun ini ialah \$14.632 juta, manakala belanjaan pengurusan pula \$17,319 juta.

Perdana Menteri menegakan, hampir kesemua Kementerian dipotong perbelanjaan masing-masing melainkan satu dua Kementerian.

Kementerian yang dikatakan mendapat peruntukan lebih ialah Kementerian Kewangan dan juga Jabatan Perdana Menteri serta Menteri Kementerian Perusahaan Awam.

Manakala Kementerian yang dipotong termasuk Kementerian Pelajaran, Kementerian Pertahanan, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos serta lain-lain lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, pemotongan yang dilakukan terhadap Kementerian Pertahanan adalah projek-projek yang tidak begitu penting.

Dengan pengumuman tersebut bermakna ramalan awal yang menyatakan belanjaan tahun ini akan dipotong \$6,000 juta atau lebih adalah meleset.

Penganalisa ekonomi memberitahu, pemotongan \$2,800 juta bagi belanjaan pembangunan adalah serdahana dan ia tidak menjejaskan sangat perkembangan ekonomi keseluruhannya.

Menurutnya, pemotongan belanjaan ini merupakan sejajar dengan hasrat berjimat cermat di samping tidak menjejaskan perkembangan pertumbuhan ekonomi negara.

Pemotongan itu perlu memandangkan negara menghadapi kekurangan belanjaan dan terpaksa membuat pinjaman yang banyak dari

sumber kewangan dalam dan luar negeri.

Kekurangan belanjaan pada tahun ini di sekitar \$7,000 hingga \$8,000 juta disebabkan kejatuhan harga bahan mentah negara seperti getah, bijih timah dan minyak kelapa sawit.

Dengan demikian, jumlah kekurangan belanjaan pada tahun ini bertambah sekitar \$10,000 juta berbanding dengan tahun lalu \$5,800 juta.

Untuk mengatasi kekurangan belanjaan ini, Kerajaan membuat pinjaman \$4,500 juta dengan Institusi Kewangan tempatan dan \$3,000 juta dari Institusi luar negeri.

Namun demikian, pinjaman yang dibuat tidak mencukupi untuk menampung keperluan belanjaan 1982 dan "Kerajaan terpaksa memotong perbelanjaan yang dirancang dalam belanjaan 1982 itu."

Seorang Pegawai Kanan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri pula berkata, langkah tersebut bukan bermakna negara tidak mempunyai wang ataupun tidak boleh meminjam.

Tetapi, katanya, Kerajaan tidak mahu membuat pinjaman kerana terlalu banyak pinjaman yang dibuat akan memburuk keadaan negara seperti yang berlaku di Brazil dan Mexico.

No. Siri ..... 287A .....

No. Penerimaan ..... 619/85 .....